

RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN

Membocor maklumat terperingkat dan rahsia Kerajaan boleh dikenakan tindakan tataterib kerana tidak amanah dan bertanggungjawab

1. PERMOHONAN SURAT PENGESAHAN KETERLIBATAN DALAM AKTIVITI RANTAIAN PEMBEKALAN DAN PEMASARAN BERKAITAN KEPERLUAN MAKANAN BAGI SUB SEKTOR TANAMAN

- Sistem ini adalah untuk pengesahan ladang dan premis pemprosesan makanan berskala kecil bagi pengusaha tanaman dan industri asas tani individu yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Surat Pengesahan ini boleh digunakan dalam jarak 10km radius sahaja. Bagi tujuan pergerakan merentas daerah/negeri melebihi 10km radius, surat ini boleh digunakan sebagai dokumen sokongan untuk memohon permit pergerakan daripada PDRM di Balai Polis berdekatan.
- PDRM atau pihak yang berkaitan boleh membuat semakan ketulenan Surat Pengesahan ini dengan membuat imbasan QR Code pada surat.
- Pemegang atau pembawa surat ini bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang penyalahgunaan surat ini.

Untuk maklumat lanjut sila layari <http://egeraktani.doa.gov.my>

2. SUMBANGAN PENJAWAT AWAM MELALUI PENGURANGAN ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

Sebagai tanda kebersamaan penjawat awam dalam menyokong usaha Kerajaan bagi menangani keadaan semasa, adalah diputuskan supaya **penjawat awam lantikan tetap dan kontrak** yang sedang berkhidmat turut menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana melalui **pengurangan sebahagian dari Imbuhan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA)**.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk **Surat Edaran JPA(S)63/168/1 Jld.3(4)** atau layari www.jpa.gov.my

3. LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT, PERALATAN KOMUNIKASI DAN SEGALA PERALATAN ELEKTRONIK YANG MAMPU MERAKAM MAKLUMAT DALAM MESUARAT PENTING KERAJAAN

Pekeliling ini bertujuan menarik perhatian semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Setiausaha Suruhanjaya, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkawan Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguatkuasakan larangan penggunaan telefon bimbit, peralatan komunikasi dan segala peralatan elektronik yang mampu merakam maklumat dalam Mesuarat penting Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut sila rujuk **Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2021, KPKK(R)100-1/5/4 Jld. 2 (31) bertarikh 28 April 2021**

4. LARANGAN MENGGUNAKAN PENGARUH LUAR

[PERATURAN 4(2)(h), PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERIB) 1993] [P.U.(A)395/1993]

4. (2) Sesorang Pegawai **TIDAK BOLEH** :

(h) MEMBAWA atau CUBA MEMBAWA apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar UNTUK MENYOKONG atau MEMAJUKAN TUNTUTAN berhubung dengan perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu adalah tuntutannya sendiri atau tuntutan anggota perkhidmatan awam yang lain.

-  Meminta Orang Kenamaan Untuk Mempengaruhi URUSAN PELANTIKAN, PERTUKARAN DAN KENAikan PANGKAT
-  Meminta Ahli Politik Untuk Menyokong Sebarang Permohonan

UNIT INTEGRITI
JABATAN PERTANIAN
AKRAS 14, WESMA TAMI
PUTRAJAYA

5. CERAMAH “INTEGRITI SEBAGAI PENJAWAT AWAM” SEMPENA WEBINAR PENGEMBANGAN PERTANIAN KEBANGSAAN 2021

Ceramah integriti bertajuk “Integriti Sebagai Penjawat Awam” telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Haji Abdul Samat Bin Kasah, Mantan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sempena Webinar Pengembangan Pertanian Kebangsaan 2021.

Webinar Pengembangan Pertanian 2021 anjuran Bahagian Pengembangan Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia ini telah berlangsung dari 17-18 Jun 2021 dan telah dirasmikan oleh YB Dato’ Haji Che Abdullah Bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II.

